

22/04/1998

MTEN kaji turun kadar faedah

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sedang mengkaji langkah mengurangkan kadar faedah bagi membantu syarikat menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Mengulas pertanyaan sama ada kadar faedah yang menyekat kegiatan perniagaan sekarang akan diringankan, beliau berkata: "Saya fikir begitu, tetapi masalahnya ialah cara menurunkan kadar faedah itu."

"Kerajaan dan MTEN sedang mengkaji bagaimana kita boleh membantu mengurangkan kadar faedah itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British di sini, hari ini.

Kadar faedah di negara ini sekarang meningkat dengan kadar antara bank naik sehingga 11.05 peratus, berbanding 7.5 peratus ketika sebelum krisis ringgit melanda Julai tahun lalu.

Beliau berkata, MTEN berjalan lancar dan pertemuan kedua sudah berlangsung. Bagaimanapun, satu lagi pertemuan di kalangan anggota eksekutif berlangsung hari ini dan esok.

"Kita juga merancang untuk mengadakan pertemuan di sebelah pagi di kalangan ahli eksekutif," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan ringgit, Dr Mahathir berkata pergerakan mata wang itu antara RM3.50 dan RM3.80 bagi AS\$1, dianggap boleh diterima sekali gus memudahkan urusan merangka pelan dan perniagaan.

Beliau bagaimanapun masih tidak berpuas hati dengan suasana di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang kemuramannya disifatkan berpunca daripada rasa kurang yakin pelabur terhadap pasaran itu.

Perdana Menteri menegaskan, kaedah terbaik meningkatkan keyakinan pelabur ialah mengurus ekonomi dengan baik.

Mengenai Sukan Komanwel XVI September ini, Perdana Menteri menegaskan persiapan Malaysia untuk menganjurkan kejohanan kedua terbesar di dunia itu berjalan lancar mengikut jadual.

"Kita sudah bersiap sedia menganjurkannya tetapi yang membimbangkan ialah persiapan atlet negara yang terpaksa bekerja keras untuk menghadapi persaingan serta memenangi pingat," katanya.

Beliau juga yakin masalah jerebu tidak akan berlaku dan mengganggu kelancaran kejohanan itu.

Menurutnya, kerajaan sedaya upaya memadamkan semua kebakaran hutan dalam negara selain akan bekerjasama dengan Indonesia bagi menangani masalah yang sama jika perlu.

"Saya yakin jerebu tidak akan menjejaskan Sukan Komanwel. Saya fikir ia tidak akan terjadi. Kita akan berusaha dengan melakukan pembenihan awan bagi memastikan jerebu ditangani," katanya.

(END)